

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HHT 302 Seni Lukis Moden Malaysia

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab TIGA (3) soalan.

Tuliskan jawapan anda dengan jelas, tepat dan ringkas.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Pada pendapat anda, apakah peranan Balai Seni Lukis Negara di dalam pemahaman sejarah seni lukis moden Malaysia?
2. Bincangkan hubungan seni lukis moden Malaysia dengan seni lukis moden barat.
3. "Seni Lukis Moden Malaysia adalah lebih bermakna daripada kesenian tradisional tempatan". Bincangkan.
4. Kebanyakan pelukis Malaysia mengamalkan pernyataan seni melalui "bahasa" abstrak. Minat ini boleh difahami dari segi sikap pelukis-pelukis ini terhadap seni lukis moden barat sebagai fenomena seni yang "lebih berwibawa". Bincangkan.
5. Salah satu faktor yang begitu berperanan di dalam pembentukan seni lukis moden di Malaysia ialah "pengiktirafan" yang diberi oleh pihak pemerintah. Bagaimanakah ini dilakukan?
6. Seni kerapkali dianggap "tidak bersempadan" yakni ianya "sejagat". Dan kerapkali juga ini dinyatakan sempena penyebaran seni lukis moden barat ke seluruh dunia, seolah-olah ianya tidak merupakan unsur "imperialisme budaya". Bincangkan.

7. Mengikut Mikel Dufrenne, apa yang telah merosakkan keikhlasan dan ketulenan kesenian asal masyarakat Dunia Ketiga ialah "pemerniagaannya, malah pemelacurannya". (Art of the Third World, m.s. 94). Pada pendapat anda, bolehkah kita memahami keluputan aspek budaya tempatan ini dari segi kemegahan dan prestij yang mengiringi pemupukan kefahaman kesenian barat di kalangan rakyat Malaysia?
8. Bagaimakah boleh anda fahami "keluputan kesenian tradisional" dan "pertumbuhan kesedaran estetik barat" bersempena proses pembaratan dan pengembangan kelas pertengahan masyarakat Malaysia?

-00000000-